

26/07/1997

Pendidikan sepanjang hayat

Ibrahim Muhamad

PENDIDIKAN Seumur Hidup - mungkin perkara baru kepada rakyat negara ini, tetapi ia bukan sesuatu yang pelik kepada negara maju seperti Amerika Syarikat, Switzerland, Eropah, Australia, New Zealand dan Kanada yang sudahpun memulakannya sejak berpuluh tahun lalu.

Di Malaysia mungkin agak ganjil kalau seorang yang berusia 60 tahun belajar komputer, elektrik, mekanik, kimpalan atau latihan teknikal dan bukan teknikal dalam sebuah kelas yang kebanyakannya pelajar berusia belasan tahun dan awal dua puluhan.

Budaya di Malaysia yang lebih menumpukan pendidikan di peringkat muda seolah-olah sudah sebatikan dan tidak boleh diubah, walhal Islam sendiri menuntut umatnya supaya menuntut ilmu dari buaian sehingga ke liang lahad.

Proses pembangunan sistem pendidikan seumur hidup itu sebenarnya selaras dengan kata-kata Saidina Ali bin Abi Talib: Perbanyakkan ilmu kamu untuk mengelakkan kamu daripada kebosanan".

Ertinya, seorang yang mempunyai banyak ilmu boleh melakukan lebih daripada satu perkara dan ini pernah dilakukan sendiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang bercuti khas untuk belajar di sebuah institut di England dalam bidang kerja mengukir kayu tidak lama dulu.

Berasaskan perkembangan ini, kerajaan negeri Terengganu merancang untuk membangunkan sistem pendidikan itu dengan memperkenalkan latihan dalam bidang teknikal dan bukan teknikal yang membabitkan semua peringkat umur dalam semua bidang.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad yang mengumumkan perkara itu baru-baru ini berkata, program berkenaan bagi membolehkan masyarakat sentiasa menimba ilmu sepanjang hayat dan mereka boleh belajar pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai dan bidang yang diminati.

Mereka mungkin boleh menyertai kelas di waktu siang atau menyertai kelas pada waktu malam atau hujung minggu terutama mereka yang sudah bekerja dengan sektor awam dan swasta.

Jika ini terlaksana bererti Terengganu adalah negeri yang pertama di Malaysia membangunkan sistem berkenaan untuk rakyatnya dan menjadi contoh kepada negeri lain di Malaysia dalam usaha melahirkan rakyat yang berilmu di semua peringkat umur.

"Sistem pendidikan ini akan menyediakan peluang kepada lepasan sekolah ketika berusia 18 tahun hingga 80 tahun.

"Tujuan kerajaan negeri ialah untuk melahirkan masyarakat yang mahir dalam semua bidang termasuk komputer, elektrik, binaan, kimpalan, plastik, kerja logam dan perkayuan," katanya.

Kerajaan negeri akan meminta Yayasan Pembangunan Kemahiran Terengganu (Tesdec), menjalankan kajian mendalam dengan mendapat kepakaran dari dalam dan luar negara dan mengemukakan kertas cadangan kepada kerajaan seberapa segera.

Kerajaan mahu program latihan yang akan dikemukakan nanti tidak bertindih dengan program yang sudah dilaksanakan Perbadanan Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), seperti pembinaan dan kimpalan, katanya.

Jika perlu kata Wan Mokhtar, kerajaan negeri meminta Tesdec mengendalikan semua pusat latihan di negeri itu termasuk Pusat Latihan Kemahiran Logam di Dungun, Pusat Latihan Kemahiran Plastik dan Polimer di Cendering dan Institut Latihan Perindustrian Kayu Terengganu (TTITC).

Beliau yakin dengan menyertai pusat latihan yang disediakan pelatih akan mendapat kemahiran yang boleh membantu diri mereka sendiri dan membolehkan

majikan menimbangkan untuk memberi peluang kenaikan pangkat dalam jawatan.

Program berkenaan dirancang untuk kursus jangka pendek kurang dari dua bulan seperti membawa jentera berat yang digunakan dalam sektor perlombongan dan pembinaan.

Sehingga kini banyak kemalangan berlaku dalam sektor berkenaan terutama membabitkan jentera kerana mereka yang mengendalikannya tidak mendapat latihan yang cukup dan tidak mengenali mesin yang dikendalikan.

"Sekurang-kurangnya pelatih yang diberi sijil dalam bidang berkenaan dapat memenuhi keperluan tenaga kerja yang kebanyakannya diisi oleh tenaga kerja asing," katanya.

Sementara itu Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Institut Pengajian Tinggi negeri, Datuk Dr Abdul Latif Awang, berkata cadangan Wan Mokhtar itu dianggap positif bagi mengisi kekosongan masyarakat negeri ini dalam pelbagai ilmu.

"Untuk membangunkan sesebuah negara semua peringkat rakyatnya perlu berilmu, sama ada dari sekolah formal, universiti atau secara tidak formal," katanya.

Sebagai menyahut idea yang bernas itu katanya, jawatankuasa pembangunan sumber manusia sedang menyediakan kurikulum khas dan kini sedang diteliti oleh pakar dari Australia, Kanada, Switzerland dan Eropah.

Pada peringkat permulaan kurikulum kemahiran itu membabitkan industri plastik, polimer, acuan logam, baik pulih komputer, kemahiran besi waja, seramik, perabot dan bahasa asing.

"Pusat latihan ini akan dibuka kepada semua peringkat umur tidak mengira sama ada petani, nelayan, kakitangan kerajaan atau swasta bagi mendapatkan kemahiran," katanya.

Dr Abdul Latif berkata, pelabur akan mengambil kira kemahiran rakyat tempatan untuk menanam modal di negeri ini atau terpaksa mengambil orang luar sekiranya masyarakat tempatan masih berfikiran sempit dan sentiasa mengharapkan kerajaan dalam semua segi.

"Pengalaman kerajaan negeri dalam sektor petroleum sebelum ini sudah cukup mengajar kita untuk bersedia dalam semua bidang. Disebabkan rakyat tempatan tidak mempunyai kemahiran, banyak peluang kerja direbut orang lain," katanya.

(END)